

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

ASPEK TAUHID DALAM ILMU NAHU MENURUT AL-QUSHAYRI

[TAUHIDIC ASPECTS IN GRAMMAR ACCORDING TO AL-QUSHAYRI]

MOHD ZUHDI ISMAIL^{1*}

SHAHRIZAL MAHPOL¹

MOHD BAHARIM MAYIDIN¹

¹ Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, 16800, Kelantan, Malaysia

*Corresponding Author: srizal368@uitm.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Tauhid bermaksud mengisbatkan sifat keesaan bagi Allah Taala. Ia merupakan aspek utama yang menjadi asas dalam semua sudut kehidupan seorang Muslim. Perbahasan mengenai aspek tauhid merupakan antara unsur penting yang perlu diterapkan dalam ilmu nahu supaya perbincangannya tidak terpisah dari unsur kerohanian yang menekankan kepada nilai-nilai murni. Namun fenomena yang berlaku selama ini, perbahasan ilmu nahu hanya tertumpu kepada aspek kognitif dan pemerolehan bahasa semata-mata. Dengan keadaan sedemikian ia akan mengakibatkan pengabaian kepada aspek nilai murni dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Artikel ini cuba memaparkan pendekatan baharu seorang tokoh ulama sufi bernama al-Qushayri yang menerapkan nilai tauhid dalam karya nahu beliau. Kajian ini mendasari pendekatan kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan (content analysis) dan menjadikan teks kitab nahu karangannya berjudul “Nahw al-Qulub al-Kabir” sebagai sumber primer. Hasil kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan beberapa nilai tauhid berkaitan konsep mengesakan Allah dari sudut Dhat, Asma’ dan Af’al dalam beberapa topik nahu yang dilihat ada perkaitan antara kedua-duanya. Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada metode perbandingan yang merujuk kepada dua aspek persamaan. Aspek pertama merujuk kepada persamaan penggunaan istilah dalam perbahasan ilmu tauhid dan ilmu nahu. Manakala aspek kedua pula ialah persamaan makna dalam perbahasan ilmu tauhid yang boleh dibandingkan dengan makna yang terkandung dalam huraiyan beberapa kaedah ilmu nahu tertentu. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pihak tertentu dalam usaha merangka kurikulum bersepadu yang mencakupi aspek tauhid dan linguistik dalam subjek ilmu nahu Arab.

Kata Kunci: Tauhid, Ilmu Nahu, al-Qushayri, Nahw al-Qulub al-Kabir.

Abstract

Tauhid means to confirm the Oneness of Allah S.W.T. It is the basis of every aspect of Muslims' way of life. It is important that tauhid is integrated into the concept of grammar as to ensure that the discussions are not separate from the spiritual aspects. However, most discussions on grammar in previous studies only focussed on the aspects of cognitive and language acquisition per se. This could cause the neglection of the integration of good values in the process of teaching and learning. The present study attempts to explore the new approach introduced by a sufi scholar, al-Qushayri in his book, "Nahw al-Qulub al-Kabir", who integrates the elements of tauhid in discussing grammar aspects. In this qualitative study, content analysis approach is applied and the text from the book is used as the primary data. It is found that al-Qushayri has integrated tauhidic aspects such as tauhid Zat, Asma' and Af'al in some of the grammar topics in his book. The integration has been applied using the comparative approach that refers to two aspects of similarity. The first aspect focuses on the grammar terms used and the second aspect refers to meanings used in both tauhidic and grammar field. The findings of this study are expected to contribute to the development of an integrated curriculum that covers the aspects of tauhid as well as linguistics in Arabic grammar.

Keywords: Tauhid, grammar, al-Qushayri, Nahw al-Qulub al-Kabir.

Cite as: Mohd Zuhdi Ismail, Shahrizal Mahpol & Mohd Baharim Mayidin. 2022. Aspek Tauhid dalam Ilmu Nahu Menurut Al-Qushayri [Tauhidic Aspects in Grammar According to Al-Qushayri]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontempori* 23(2): 259-272.

PENGENALAN

Dalam disiplin pengajian Islam, ilmu yang memfokuskan perbahasan mengenai aspek keimanan dan kepercayaan dikenali sebagai ilmu tauhid. Ia merupakan bidang ilmu utama yang wajib dipelajari kerana ia membincangkan mengenai kepercayaan seseorang berkaitan dengan ketuhanan, kenabian dan perkara *sam'iyyat* dengan dalil-dalilnya (Muhammad Rabi', 1997). Matlamat utama mempelajari ilmu tauhid ialah untuk mencapai tahap mengenal Allah dengan keyakinan yang mendalam (Muhammad Yusri, 2004). Di antara topik utama yang dibincangkan dalam ilmu tauhid ialah perbahasan mengenai konsep mengesakan Allah dalam penyembahan serta mengesakanNya pada nama (Asma'), sifat, perbuatan (Af'al) dan zatNya.

Artikel ini cuba mengkaji tentang penerapan nilai tauhid dalam disiplin ilmu nahu yang diketengahkan oleh tokoh sufi kurun ke lima Hijrah bernama Abdul Karim bin Hawazin al-Qushayri (w. 465H). Beliau juga terkenal sebagai tokoh sufi sunni yang menggabungkan antara ilmu syariat dan hakikat (Ibn Khallikan, t.th.). Beliau telah menghasilkan sebanyak 43 buah kitab dari pelbagai disiplin ilmu Islam merangkumi ilmu tafsir, tasawuf, tauhid, nahu dan sebagainya (Shahrizal et al., 2020). Dalam bidang ilmu nahu, beliau telah menghasilkan dua buah kitab berjudul "Nahw al-Qulub al-Saghir" dan "Nahw al-Qulub al-Kabir". Kajian ini hanya difokuskan kepada menganalisis aspek tauhid yang terkandung dalam kitab "Nahw al-Qulub al-Kabir" kerana isi kandungannya merangkumi hampir keseluruhan topik nahu berbanding kitab "Nahw al-Qulub al-Saghir". Oleh itu,uraian mengenai latarbelakang kitab ini perlu disentuh secara ringkas untuk mengetahui keistimewaannya berbanding karya nahu

yang lain. Dalam kitab tersebut, al-Qushayri memulakan perbahasan setiap topik dengan memberikan definisi dari sudut bahasa dan istilah nahu secara ringkas. Kemudian beliau menghubungkaitkannya secara terperinci dengan nilai kerohanian yang dilihat mengandungi persamaan dari aspek-aspek tertentu. Sebahagian fakta yang diketengahkan juga dikuatkan dengan dalil-dalil dari ayat Quran, Hadis Nabi dan kata-kata ulama sufi muktabar. Ini menjadikan kitab tersebut sarat dengan nilai ilmiah yang berwibawa dan mengetengahkan pendekatan baharu yang bersepada.

Pernyataan Masalah Kajian

Penerapan nilai murni berkaitan aspek kerohanian merupakan teras kepada pembangunan nilai intelek, emosi dan jasmani ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis (Mohd Khairi Othman, 2014). Perbahasan suatu bidang ilmu yang hanya tertumpu kepada aspek kognitif dan perkembangan akal semata-mata akan menyebabkan pengabaian kepada elemen kerohanian. Perbahasan mengenai aspek kerohanian hendaklah ditekankan kepada matlamat mentauhidkan Allah. Antara bidang ilmu yang perlu diterapkan dengan elemen tauhid ialah ilmu nahu Arab. Menurut Fathul Mujib (2010), perbahasan ilmu nahu Arab yang berlaku selama ini adalah terpisah dari nilai kerohanian yang menekankan kepada aspek mentauhidkan Allah. Punca berlaku fenomena tersebut adalah kerana skop perbahasannya hanya tertumpu kepada menjaga tutur kata seseorang dari kesalahan sintaksis. Tambahan pula, proses pembelajaran juga hanya sekadar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan pemerolehan bahasa semata-mata. Justeru, pengkaji memilih untuk menyelidiki sejauh mana sumbangan al-Qushayri menerapkan nilai yang berkaitan dengan konsep tauhid dalam karya nahu beliau berjudul “*Nahw al-Qulub al-Kabir*”.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa penulisan yang membincangkan mengenai kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*” namun kesemuanya tidak menyentuh aspek tauhid yang menjadi kajian utama dalam artikel ini. Antaranya ialah buku yang ditulis oleh Ibrahim Bisyuni & Ahmad ‘Ilm al-Din al-Jundi (1994) bertajuk “*Nahw al-Qulub al-Kabir lil Imam Zayn al-Islam ‘Abd al-Karim al-Qushayriy*”. Penulis telah melakukan penyuntingan (*tahqiq*) dan memberikan ulasan terhadap isi kandungan kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*” karangan al-Qushayri. Namun huraian dan kritikan yang dibuat terhadap kitab ini, belum dilakukan secara memadai dan menyeluruh kerana perbahasannya lebih tertumpu kepada aspek tasawuf. Kajian tersebut menyimpulkan bahawa al-Qushayri dianggap sebagai tokoh ulama pertama yang mempelopori usaha menerapkan nilai-nilai kerohanian dalam ilmu nahu. Melalui hasil karya tersebut, maka lahirlah satu disiplin ilmu dikenali sebagai “Nahu Sufi” atau “Nahu Hati” yang memberikan penekanan kepada aspek spiritual dalam perbincangannya.

Seterusnya, kajian yang dibuat oleh Ahmad Qasim Kassar (2012) dalam artikelnya berjudul “*al-Imam al-Qushayri wa Juhuduhi fi Asalamah al-Dirasat al-Lughawiyyah Kitab Nahw al-Qulub Namuzajan*”. Artikel tersebut menumpukan perbincangan kepada latar belakang ringkas mengenai metode penulisan kitab “*Nahw al-Qulūb*”. Kandungannya memaparkan beberapa contoh topik nahu yang terdapat dalam kitab tersebut bagi membuktikan bahawa

terdapat hubungan yang signifikan khususnya antara ilmu nahu dan ilmu tasawuf. Namun kajian yang dibuat tidak memfokuskan kepada analisis mendalam terhadap aspek tauhid dalam kitab tersebut. Kajian beliau mendapati bahawa kitab tersebut telah menjadikan perbahasan ilmu nahu bersifat bersepada dan mencakupi aspek-aspek yang terkandung dalam disiplin ilmu tauhid, fikah dan tasawuf.

Terdapat sebuah lagi artikel berjudul “Penerapan Nilai Makrifah dalam Ilmu Nahu menurut al-Qushayri” yang ditulis oleh Zaiton Mustapha et al., (2021) telah membincangkan mengenai konsep makrifah Allah yang diterapkan dalam beberapa topik nahu dalam kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*”. Kajian menyimpulkan bahawa konsep makrifah yang menjadi matlamat utama individu Muslim yang menceburi bidang tasawuf dapat dicapai dengan menerapkan konsep *takhliyah* dan *tahliyah* dalam topik-topik nahu yang dilihat mengandungi aspek persamaan antara keduanya.

Hubungan yang signifikan antara bidang tauhid dan nahu juga telah disentuh oleh beberapa ulama sufi lain. Antaranya ialah seperti Ibn ‘Arabi (w. 638H) yang menekankan bahawa perbincangan ilmu nahu tidak seharusnya ditumpukan hanya dari aspek linguistik semata-mata. Perbahasannya hendaklah menjangkau kepada aspek tauhid yang amat menekankan kepada nilai keimanan terhadap keluasan ilmu Allah yang menjadi sumber kepada perkembangan ilmu-ilmu lain di dunia ini (al-‘Ukayyili, 2012). Ali bin Maymun (2015) juga menjelaskan mengenai kepentingan menjadikan ilmu nahu Arab sebagai jambatan untuk mengenal Allah. Menurut Zakiyah (2012) pula, tokoh ulama dari Nusantara dikenali sebagai Nur Iman telah menerapkan nilai tauhid dalam kitab nahu beliau berjudul “*Sāni al-Maṭālib*”. Kandungannya menjelaskan bahawa konsep mengenal Allah dapat dicapai melalui tiga peringkat iaitu *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* yang diterapkan perbahasannya dalam setiap topik nahu.

Ringkasnya, usaha untuk mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam menerapkan aspek tauhid dalam ilmu nahu telah dipelopori oleh al-Qushayri sejak kurun ke lima Hijrah lagi. Pendekatan ini telah mendorong beberapa ilmuwan terkemudian untuk menghasilkan karya nahu yang mengaplikasikan metode yang sama. Diharapkan artikel ini dapat menghuraikan dengan lebih terperinci aspek-aspek tauhid dalam kitab tersebut yang belum dibincangkan dalam beberapa kajian terdahulu.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk menyelidiki aspek-aspek tauhid yang diterapkan dalam beberapa topik nahu dalam kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*”. Di samping itu, ia juga bertujuan menganalisis aspek persamaan yang dijadikan sebagai asas perbandingan dalam menerapkan nilai-nilai tersebut dalam topik-topik nahu. Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini ingin mencari jawapan kepada dua persoalan utama. Persoalan pertama ialah sejauh manakah nilai-nilai tauhid mengenai konsep keesaan Allah Taala menurut al-Qushayri diterapkan dalam disiplin ilmu nahu Arab? Persoalan kedua pula bagaimanakah nilai-nilai tauhid itu dapat ditonjolkan dalam kitab tersebut?.

METODOLOGI

Dalam artikel ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen (content analysis) iaitu kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*” sebagai sumber primer. Data-data mengenai aspek tauhid dikelaskan menggunakan teknik bertema melibatkan penyenaraian beberapa konsep dalam topik ilmu tauhid seperti konsep tauhid Zat, tauhid Asma’, dan tauhid Af’al. Data seterusnya dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan metode komparatif. Metode induktif digunakan untuk menganalisis maklumat secara berterusan bagi menghuraikan masalah yang dikaji. Manakala pendekatan komparatif atau perbandingan pula bertujuan untuk mengenal pasti aspek persamaan dan perkaitan antara disiplin ilmu nahu dan ilmu tauhid melalui beberapa data yang diperolehi. Seterusnya data tersebut akan dikukuhkan lagi dengan beberapa dalil dari Quran dan Hadis sebagai sumber sokongan untuk dijadikan penimbangtara kepada isu-isu tertentu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Merujuk kepada definisi tauhid yang diberikan oleh ulama sebelum ini, dapat difahami bahawa hakikat mentauhidkan Allah adalah menafikan sekutu bagi Allah Ta’ala dan menetapkan segala sifat ketuhanan yang khusus bagiNya. Dalam kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*”, perbahasan mengenai konsep mentauhidkan Allah telah disentuh oleh al-Qushayri dalam empat fasal seperti berikut:

- a. Fasal “*al-Mufrad*” (kata nama tunggal) dan “*al-Muthannā*” (kata nama duaan).
- b. Fasal “*al-Kalam wa Aqsamuhi*”.
- c. Fasal “*al-Fa‘il*”.
- d. Fasal “*al-Harf*”.

Penerapan Konsep Tauhid Zat dalam Fasal “*al-Mufrad wa al-Muthanna*”

Mengenai aspek tauhid zat, al-Qushayri (2005) telah menerapkan konsep tersebut yang menjadi asas kepada kesahihan akidah seseorang dalam fasal “*al-Mufrad wa al-Muthanna*”. Beliau menjelaskan bahawa kata nama *mufrad* dalam ilmu nahu boleh diubah kepada kata nama *muthanna* dengan menambahkan huruf “*alif*” atau “*ya*” dan “*nūn*” dalam keadaan tertentu. Namun demikian, kaedah tersebut tidak boleh diaplikasikan pada perkataan “*wahid*” yang bermaksud “*satu*”. Perkataan tersebut tidak boleh dijadikan kata duaan dengan menambahkan *alif* atau *yā* di hujungnya menjadi “*wahidan*” atau “*wahidayn*”.

Perbandingannya dari aspek tauhid telah dijelaskan oleh al-Qushayri (2005) sebagaimana katanya: “*Begitu juga bandingannya dengan Zat Allah yang bersifat esa pada hakikatnya adalah mustahil hilang sifat keesaanNya*”. Beliau menjelaskan bahawa sifat esa bagi Allah Taala bermaksud zatNya tidak tersusun dari beberapa bahagian seperti daging, tulang atau sebagainya. Allah juga tidak menerima sebarang penambahan atau berbilang-bilang pada zatNya. Justeru dari sudut analoginya, mustahil bagi Allah Taala menerima sifat berbilang-bilang pada zatNya sebagaimana mustahil dalam ilmu nahu perkataan “*wahid*” menerima penambahan pada struktur bentuknya.

Meneliti kepada huraian al-Qushayri mengenai konsep tauhid zat di atas, kajian mendapati beliau telah menerapkan konsep tersebut dalam topik “*mufrad*” berdasarkan kepada persamaan makna “*ifrād*” (tunggal) sebagaimana dihuraikan dalam perbahasan ilmu nahu dan ilmu tauhid. Dari perspektif ilmu nahu, istilah “*mufrad*” dari segi bahasa merupakan *ism maf’ūl* dari kata dasar “*afrada - yufridu - ifrādan*”. Ia bermaksud setiap kata nama yang menunjukkan makna tunggal (Muhammad Samir Najib, 1985). Manakala perbahasan dari perspektif ilmu tauhid pula mendapati bahawa istilah “*tawhid*” itu sendiri secara literalnya menurut al-Junayd* adalah sinonim kepada makna perkataan “*ifrād*”. Beliau menjelaskan bahawa tauhid bermaksud “*ifrād al-muwahhad*” yakni menetapkan sifat tunggal bagi Allah dengan mengisbatkan keesaanNya (al-Qushayri, 2010). Justeru, aspek kesetaraan yang menjadi asas kepada perbandingannya ialah persamaan maksud “*ifrād*” sebagaimana dihuraikan dalam perbincangan kedua-dua ilmu tersebut.

Dari sudut yang lain pula, kajian juga mendapati hujah yang dikemukakan oleh al-Qushayri dalam menetapkan keesaan zat Allah Taala berdasarkan dalil dan bukti dari kaedah ilmu nahu, merupakan satu pendekatan baharu dalam metode pendalilan. Jarang sekali suatu perbahasan mengenai isu ketuhanan, khususnya yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah dapat dibuktikan dengan hujah atau dalil dari perspektif ilmu nahu. Argumen yang beliau kemukakan bahawa, mustahil bagi zat Allah bersifat berbilang-bilang sebagaimana mustahil berlaku pada perkataan “*wāhid*”, merupakan satu pendalilan yang sah dan diterima dari sudut ilmiah. Perbandingan yang dibuat antara sifat esa bagi zat Allah dan makna tunggal pada perkataan “*wāhid*” adalah dilihat dari sudut mustahil kedua-duanya menerima sifat duaan atau penambahan.

Dalam pada itu al-Qushayri (2005) menjelaskan bahawa makhluk adalah berlainan dengan zat Allah Taala. Makhluk tidak bersifat esa pada zatnya kerana ia tersusun dari beberapa bahagian anggota. Selain dari itu, makhluk juga tidak bersifat tunggal dalam kehidupannya kerana ia sentiasa berhajat kepada pasangannya untuk membantunya dalam urusan sehari-hari. Sifat tersebut merupakan ciri utama bagi setiap makhluk bagi menjamin kelangsungan hidup mereka di muka bumi ini. Justeru menurut beliau lagi, adalah mustahil bagi makhluk bersifat esa dan bersendirian untuk mencapai kesempurnaan dalam hidupnya. Kemustahilan tersebut telah diterapkan dalam kaedah nahu berkaitan perkataan “*ithnān*” yang tidak boleh dijadikan *mufrad* hanya dengan membuang *alif* dan *nun* menjadi “*ithn*”. Asas kepada penerapan ini adalah merujuk kepada persamaan maksud kemustahilan menjadi tunggal sebagaimana dibahaskan dalam perbincangan kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Dalam persoalan ini, al-Qushayri (2005) telah membawakan ayat Quran yang menjadi dalil kepada keperluan makhluk untuk berpasangan sebagaimana firmanNya:

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقَنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Ertinya: “Dan tiap-tiap jenis kami ciptakan berpasangan mudah mudahan kamu mengambil peringatan”. (al-Qur'an, al-Dhariyat, 51:49)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah Taala menjadikan setiap sesuatu itu berpasangan seperti lelaki dan perempuan, manusia dan jin, langit dan bumi, kufur dan iman, gembira dan sedih dan sebagainya supaya manusia berfikir bahawa Allah adalah Tuhan yang bersifat Maha Esa dan tiada sekutu bagiNya (Ibn Kathir, 1999). Menurut Mujahid (w. 104H) pula, ini merupakan bukti jelas tentang kekuasaan Allah yang Maha Sempurna dan sifatNya tidak menyerupai makhluk lemah yang sentiasa kerana sentiasa berhajat kepada pasangan untuk memenuhi keperluan hidup mereka (al-Tabari, 1994).

Tegasnya, penekanan mengenai aspek tauhid pada zat Allah telah diterapkan oleh al-Qushayri dalam perbahasan nahu mengenai topik *ism mufrad* untuk membuktikan bahawa zatNya tidak menyerupai dengan sekalian makhluk. Manakala huraian mengenai ism *muthannā* pula adalah untuk menguatkan lagi bukti bahawa sifat makhluk adalah tidak menyamai Penciptanya.

Penerapan Konsep Tauhid *al-Asmā'* dan Tauhid *al-Af'āl* dalam Fasal “*Aqsām al-Kalām*” dan Fasal “*al-Fā'il*”.

Al-Qushayri (2005) telah menerapkan aspek tauhid *al-Asmā'* dan tauhid *al-Af'āl* bagi Allah Taala dalam fasal “*aqsām al-kalām*” (pembahagian ayat). Beliau menjelaskan bahawa perkataan dalam ilmu nahu terbahagi kepada 3 jenis iaitu *ism* (kata nama), *fi'l* (kata kerja) dan *harf* (partikel). Beliau dilihat tidak memberikan sebarang penjelasan lanjut mengenai definisi bagi setiap perkataan *ism*, *fi'l* atau *harf*. Hal yang demikian kerana buku tersebut lebih mengutamakan perbincangan terperinci mengenai aspek-aspek kerohanian berbanding perbincangan berbentuk linguistik semata-mata.

Perbandingannya dari perspektif perbahasan ilmu tauhid dapat dilihat dari penjelasan beliau sebagaimana berikut: ‘Istilah *ism* dalam ilmu nahu hendaklah diaplikasikan dengan huraian mengenai konsep mentauhidkan Allah dari sudut *asmā'*Nya (nama-namaNya). Manakala istilah *fi'l* pula hendaklah diterapkan dengan konsep mentauhidkan Allah dari sudut *af'āl*Nya (perbuatanNya)” (al-Qushayri, 2005).

Merujuk kepada perbincangan al-Qushayri mengenai konsep tauhid *al-asmā'* dan *al-af'āl*, kajian mendapati penerapan yang dibuat adalah berasaskan kepada persamaan penggunaan istilah “*ism*” dan “*fi'l*” sebagaimana terdapat dalam perbahasan kedua-dua disiplin ilmu nahu dan ilmu tauhid. Dari perspektif ilmu nahu, istilah *ism* bermaksud setiap perkataan yang menunjukkan kepada nama manusia, tempat dan sebagainya tidak mengandungi makna masa tertentu. Manakala “*fi'l*” pula bermaksud perkataan yang menunjukkan suatu perbuatan yang disertai dengan masa tertentu (Muhammad Samir Najib, 1985).

Dari perspektif perbahasan ilmu tauhid pula, istilah *ism* hendaklah dikaitkan huraianya dengan konsep tauhid *al-asmā'* yang bermaksud beriman dengan sepenuh keyakinan kepada kesempurnaan Allah pada *asmā'*Nya. Dialah Tuhan yang memiliki segala nama baik yang menunjukkan sifat keagunganNya dan tidak menyerupai dengan hakikat nama sekalian makhluk. Di antara nama-nama Allah sebagaimana diterangkan dalam al-Quran ialah seperti *al-Rahmān*, *al-Rahīm*, *al-Malik* dan sebagainya. Allah Taala telah berfirman dalam al-Quran sebagaimana berikut:

وَلِلّٰهِ الْأَكْمَانُ الْخَسَنَىٰ فَادْعُوهُ بِكَا

Ertinya: “Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia) maka hendaklah kamu berdoa kepadaNya dengannya (nama-nama tersebut)”. (al-Qur'an, al-A'raf, 7:180)

FirmanNya lagi:

وَإِلٰهُكُمْ إِلٰهٌ وَحْدَهُ لَا إِلٰهٌ إِلَّا هُوَ أَكْرَمُ الْرَّحِيمِ

Ertinya: “Dan (Allah) Tuhan kamu adalah Tuhan yang Satu, Tiada tuhan melainkan Dia, Dialah Tuhan yang bersifat Pemurah lagi Maha Penyayang”. (al-Baqarah, 2:163)

Manakala istilah *fī'l* pula hendaklah diterapkan perbincangannya dengan konsep tauhid *al-af'āl* yang bermaksud bahawa setiap Muslim wajib meyakini keesaan dan kesempurnaan Allah pada perbuatanNya yang menunjukkan kepada sifat keagunganNya yang tidak menyerupai dengan segala perbuatan hamba. Terdapat banyak contoh bagi *al-af'āl* yang diisbatkat bagi Allah Taala antaranya ialah seperti Maha Pencipta, Maha Pemberi Rezeki, Maha Menghidupkan dan sebagainya. Sebahagian ulama menamakan tauhid jenis ini dengan istilah “tauhid *al-rububiyyah*” (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, t.th.)

Seterusnya, al-Qushayri (2005) menjelaskan lagi bahawa setiap kejadian yang berlaku di dunia ini hendaklah disandarkan kepada Pelakunya yang hakiki iaitu Allah Taala. Konsep tersebut telah diterapkan dalam ilmu nahu berkaitan dengan topik “*al-fā'i'l*” (pelaku). Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada persamaan makna “*fā'i'l*” yang bermaksud pelaku sebagaimana diuraikan dalam perbahasan ilmu nahu dan ilmu tauhid. Dari perspektif ilmu nahu “*fā'i'l*” adalah kata nama dibaca *marfū'* (nominatif) yang menunjukkan kepada pelaku sesuatu kata kerja. Ia juga menerima baris paling berat iaitu baris *dammah*.

Manakala perbandingannya dari perspektif perbahasan ilmu tauhid diperincikan sebagaimana berikut:

“Topik “*fā'i'l*” dalam ilmu nahu hendaklah dihuraikan dari sudut simboliknya kepada maksud ketinggian dan keagungan yang layak bagi zat Allah Ta'ala. Sesungguhnya Dialah Allah sebenarnya sebagai Pelaku yang hakiki kepada setiap perkara yang berlaku dan tiada kuasa bagi selainNya yang mampu mencipta sesuatu,” (al-Qushayi 2005)

Kenyataan al-Qushayri di atas menggambarkan penghayatan tauhid *al-af'āl* yang sampai ke tahap ihsan sebagaimana dibincangkan dalam perbahasan ilmu tasawuf. Beliau sebagai tokoh ulama sufi mendapatkan konsep *fā'i- iliyyah* (pelaku) yang hakiki hanya dinisbahkan kepada Allah bukan kepada makhluk. Dalam hal ini Allah berfirman:

وَمَا رَأَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللّٰهَ رَمَىٰ

Ertinya: “Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir). (al-Qur'an, al-Anfal, 8:17)

Ayat tersebut menerangkan bahawa, Allah adalah pelaku yang hakiki bagi setiap kejadian yang berlaku di alam ini. Pada hakikatnya, bukanlah lemparan Nabi s.a.w. yang menyebabkan musuh-musuh Islam lari bertempiaran tetapi sebenarnya Allah yang melemparkan perasaan takut di hati orang kafir sehingga mereka tewas dalam perang tersebut (al-Tabari, 1994). Jelas di sini, bagaimana konsep tauhid *al-af'āl* hendaklah diyakini dengan sepenuhnya bagi setiap individu kerana antara ciri akidah yang sah menurut pandangan Ahli Sunah Wal Jamaah ialah menisahkan segala kejadian yang berlaku hanya kepada Pemilik dan Pelakunya yang hakiki iaitu Allah Taala.

Dari perbahasan mengenai penerapan aspek tauhid *al-asmā'* dan *al-af'āl* dalam topik nahu, kajian mendapati ia merupakan suatu penghayatan kepada konsep *fanā'* segala perkara selain Allah dari penyaksian seseorang hamba. Konsep tersebut dikenali dalam kalangan ulama sufi sebagai “*fanā'* ‘an shuhūd al-siwa” (al-Taftazani, 1979). Kenyataan yang sedemikian adalah sebagai manifestasi kepada tersingkap sifat-sifat keagungan Allah pada penyaksian hambaNya. Ia bermaksud suatu kefahaman yang diberikan oleh Allah mengenai kesempurnaan *al-asmā'* dan *al-af'āl* bagi Allah yang dapat disaksikan oleh hati seseorang ketika mempelajari ilmu nahu. Ketika menekuni topik nahu mengenai *ism*, *fi'l* dan *fā'il*, beliau dikurniakan suatu hakikat *fanā'* segala *asmā'* dan *af'āl* dari pandangan hatinya. Ketika itu, perkara yang *baqā'* (kekalan) dalam penyaksian hanya al-*asmā'* dan *al-af'āl* bagi Allah semata-mata. Ia juga menjadi bukti tentang penumpuan al-Qushayri dalam setiap topik ilmu nahu yang dikupas adalah difokuskan untuk mencapai matlamat mentauhidkan Allah Ta’ala.

Penerapan Konsep Menghindari Syirik Dalam Fasal “al-Harf”

Antara ciri penting bagi konsep tauhid ialah menjauhkan diri dari mensyirikkan Allah dengan sesuatu. Menurut al-Qushayri (2010), syirik ialah menyekutukan Allah dengan sesuatu termasuk dalam semua keadaan sama ada zahir atau batin. Ia sebenarnya merupakan penafian dan kata lawan kepada konsep tauhid itu sendiri. Dalam kitab “*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*”, beliau telah menerapkan konsep menghindari dari syirik *khafiy* (tersembunyi) dalam fasal “*harf*” (partikel). Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada persamaan makna alat penghubung kepada sesuatu sebagaimana dibahaskan dalam perbincangan ilmu nahu dan ilmu tauhid.

Dari perspektif perbahasan ilmu nahu, *harf* atau partikel berperanan sebagai penghubung kepada kesempurnaan suatu ayat yang lengkap (al-Qushayri 2005). Kadangkala, suatu ayat tidak dapat difahami tanpa dihubungkan dengan partikel tertentu sebagaimana contoh ayat: *al-rajul fi al-masjid*” (lelaki itu berada di dalam masjid). Ayat tersebut tidak dapat difahami maksudnya jika tidak dinyatakan padanya *harf* (*fi*) seperti contoh ayat: “*al-rajul al-masjid*” (lelaki itu masjid).

Manakala perbandingannya dari perspektif perbahasan ilmu tauhid ialah kepentingan *harf* berperanan sebagai penghubung kepada kata-kata yang mengandungi maksud mentauhidkan Allah. Ini dapat dilihat melalui satu konsep yang dikenali sebagai “*isqāt al-yā'āt*” (al-Qushayri 1968). Konsep ini bermaksud menggugurkan “*ya*” yang merujuk kepada gantinama diri pertama (*aku*) pada perkataan “*lī*” (milikku) dan menggantikannya dengan lafadz “*Allah*” sebagaimana contoh perkataan: “*līLlah*”. Ini bermakna penggunaan *harf* yang salah

dengan menghubungkannya kepada ganti nama “ya” menurut al-Qushayri (2005), akan menyebabkan penuturnya melakukan syirik *khafiy*. Hal ini demikian kerana pertuturan tersebut membawa maksud bahawa dirinya adalah pemilik kepada suatu harta yang diperolehi. Sedangkan pada hakikatnya, pemilik sebenar kepada setiap benda di dunia ini adalah Allah yang bersifat “*al-Malik*”. Manakala manusia hanyalah sebagai pengurusnya sahaja (al-Qushayri, 1968).

Jika diteliti dari sudut tertentu, menghubungkan *harf* kepada ganti nama diri pertama “*aku*” sebagaimana contoh di atas, sebenarnya tidak boleh dianggap sebagai ucapan yang membawa kepada hukum syirik. Seseorang yang mendakwa harta yang diperolehi melalui pekerjaan yang dilakukan adalah miliknya tidak dikategorikan sebagai menyekutukan Allah. Dakwaan tersebut adalah tidak salah jika dipandang dari sudut peraturan *sunnatuLlah* yang berkaitan dengan konsep sebab dan akibat. Hal ini demikian kerana usaha yang dilakukan seseorang adalah menjadi sebab kepada pemilikan harta tertentu (Abdul Qadir Isa 2005). Tambahan pula, ia masih tetap berkeyakinan bahawa segala yang diperolehi di dunia ini adalah dengan kehendak Allah semata-mata. Namun demikian, al-Qushayri tetap menganggap ungkapan tersebut sebagai syirik *khafiy* kerana terdapat unsur tersembunyi yang membawa maksud menyekutukan sifat memiliki yang sabit bagi Allah dengan pemilikan seorang hamba.

Pengkaji berpandangan bahawa pendirian al-Qushayri ini tidak bermaksud beliau dengan sengaja menafikan sesuatu yang dibenarkan dalam syarak. Pandangan ini sebenarnya boleh diklasifikasikan sebagai proses berjaga-jaga (*ihtiyāt*). Ia juga bertepatan dengan kaedah *sadd al-dharā'i* yang bermaksud menutup pintu-pintu kepada punca berlaku kesyirikan. Proses ini amat wajar dilakukan khususnya bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang tasawuf kerana dibimbangi mereka akan terlanjur melakukan kesyirikan sekiranya tidak dikawal di peringkat awal lagi. Para ahli sufi merupakan golongan yang amat teliti dalam setiap ucapan yang keluar dari mulut mereka supaya tidak terjatuh ke dalam kancang kesyirikan.

Dari sudut sumber pula, pandangan al-Qushayri mengenai peranan *harf* dalam menghayati konsep tauhid adalah selari dengan tegahan Nabi ke atas sahabat baginda supaya tidak mengucapkan ungkapan yang boleh membawa maksud syirik kepada Allah. Dalam satu riwayat dari Ibn Abbas bahawa Nabi pernah bersabda:

إِذَا حَلَفَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَقُلْ: مَا شَاءَ اللَّهُ وَشَاءَ، وَلَكِنْ لِيَقُلْ: مَا شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ شَاءَ

Ertinya: “Apabila bersumpah seseorang kamu maka janganlah ia berkata: “apa yang Allah kehendaki dan tuan kehendaki”, akan tetapi hendaklah ia berkata: apa yang dikehendaki Allah kemudian apa yang tuan kehendaki” (Ibn Majah [2117] Kitab *al-Kaffārāt*, t.th)

Merujuk kepada Hadis di atas, dapat difahami bahawa Nabi Muhammad (s.a.w.) menegah umatnya dari mengucapkan perkataan yang boleh memberi maksud syirik kepada Allah Taala. Kata-kata seperti ini hendaklah dijauhi walaupun sebenarnya ia tidak berniat untuk mensyirikkan Allah dengan sesuatu. Sebagai jalan keluar dari permasalahan tersebut, Nabi (s.a.w.) telah memberikan tunjuk ajar supaya menggantikan *harf ‘atf*(partikel sendi) “*wa*” (dan) kepada *harf ‘atf “thumma”* (kemudian) sebagaimana dapat dilihat dalam Hadis tersebut. Hal ini demikian kerana *harf “wa”* dari sudut bahasa memberi maksud persamaan taraf antara “*ma ‘tūf*”

(perkataan selepas ‘atf) dengan “*ma’tiūf ‘alayhi*” (perkataan sebelum ‘atf) (al-Muradi 1992). Manakala *harf “thumma”* pula, boleh menghindarkannya dari maksud menyamakan kehendak Allah sebanding dengan kehendak makhluk.

Terdapat Hadis lain yang menjelaskan mengenai ucapan terbaik dan paling selamat untuk menghindarkan diri dari pengaruh syirik. Nabi telah mengajar sahabat baginda menyandarkan segala perkara hanya kepada kehendak Allah Taala semata-mata sebagaimana ucapan: “*ma Shā’ Allah wahdah*” (apa yang Allah sahaja kehendaki) seperti berikut:

قال رجل للنبي ما شاء الله وشئت ، قال : جعلت الله ند؟ ماشاء الله وحده

Ertinya: “Telah berkata seorang lelaki kepada Nabi (s.a.w.): Apa yang Allah kehendaki dan apa yang Tuan kehendaki”. Lalu Nabi bersabda: Kamu telah menjadikan bagi Allah itu akan sekutu? Katakanlah apa yang Allah sahaja kehendaki”. (al-Bukhari [783] *Bab Qawl al-Rajul Ma Shā’ Allah wa Shi’ta*, 2000)


Ringkasnya, penggunaan *harf* dalam suatu ayat hendaklah dihubungkan kepada perkataan yang betul dan sesuai dari pelbagai sudut. Kadangkala ia digunakan dalam satu ayat yang sempurna dan tepat dari sudut linguistik namun, apabila diteliti secara mendalam dari sudut ilmu tauhid, mungkin ia boleh membawa kepada makna syirik. Di sini dapat dilihat akan kepentingan menjaga lidah dari kesalahan tatabahasa. Pada masa yang sama juga hendaklah dipelihara hati dari sudut kesalahan akidah melalui pertuturnya.

Melalui perbincangan yang lalu, pengkaji berpandangan bahawa al-Qushayri merupakan salah seorang tokoh ilmuwan sufi yang telah berjaya menerapkan aspek tauhid dalam perbahasan ilmu nahu. Merujuk kepada pendekatan beliau dalam perbahasan konsep tauhid, kajian mendapati kupasannya adalah selari dengan pendekatan aliran *al-ashā’irah* yang menjadi pegangan kuat beliau dalam setiap persoalan ilmu kalam. Menurut al-Kamal (2006), aliran tersebut memberi penekanan kepada perbahasan konsep tauhid *al-dhāt*, tauhid *al-asmā’* dan tauhid *al-af’āl*. Ketiga-tiga jenis tauhid ini pada hakikatnya mengandungi erti sebenar konsep beriman kepada Allah Taala kerana ia menjadi tunjang kepada doktrin akidah Islam yang lain. Mengenai konsep syirik pula, beliau dilihat telah memilih pendekatan golongan ahli sufi dalam usaha menghindarkan diri dari terjerumus ke lembah kesyirikan dengan mengambil jalan berhati-hati dan paling selamat. Suatu ungkapan yang diucapkan oleh seseorang mungkin tidak menjadi kesalahan dari sudut pandangan orang awam. Namun bagi golongan yang menceburkan diri dalam bidang tasawuf melihat ungkapan tersebut mungkin boleh membawa kepada kesyirikan jika diamati dari pelbagai sudut. Dalam permasalahan ini, terdapat ibarat ulama sufi yang menyatakan bahawa “*Dosa para muqarrabin (orang yang dekat dengan Allah) masih dianggap kebaikan bagi orang soleh*” (al-Tusi, 2007)

Bentuk Penerapan Aspek Tauhid dalam Ilmu Nahu

Melalui analisis yang dilakukan, kajian mendapati al-Qushayri menerapkan beberapa nilai tauhid dalam ilmu nahu berdasarkan kepada dua aspek persamaan yang utama. Pertama

merujuk kepada aspek persamaan dalam penggunaan istilah bagi kedua-dua disiplin ilmu tauhid dan nahu Arab. Ia bermaksud setiap istilah dalam ilmu tauhid yang digunakan juga dalam ilmu nahu namun tiada persamaan antara kedua-duanya dari segi maknanya. Aspek kedua ialah persamaan pada makna dalam ilmu tauhid yang boleh dibandingkan dengan makna yang terkandung dalam suatu kaedah ilmu nahu. Proses lengkap bagi bentuk penerapan aspek tauhid dalam ilmu nahu boleh dilihat dalam kaedah “*Nahu Tauhidik Qushayri*” (NTQ) sebagaimana digambarkan dalam rajah analisis rantaian nilai (*value chain analysis*) di sebelah:-



Rajah 1: Analisis Rantaian Nilai Kaedah ‘*Nahu Tauhidik Qushayri*’

Dalam membangunkan kaedah di atas, matlamat mentauhidkan Allah dapat dicapai dengan mengamati dua unsur utama yang menjadi asas kepada proses penerapan aspek tauhid dalam ilmu nahu. Unsur pertama dikenali sebagai aktiviti premier (*premier activities*) yang diwakili oleh proses penerapan aspek tauhid dalam ilmu nahu. Aktiviti primer tersebut hendaklah dikukuhkan dengan unsur kedua yang dikenali sebagai aktiviti sokongan (*support activities*). Unsur kedua ini diwakili oleh aspek persamaan penggunaan istilah dan aspek persamaan makna. Perlaksanaan kedua-dua aktiviti ini merupakan rantaian nilai (*value chain*) untuk menuju kepada matlamat proses penerapan iaitu mentauhidkan Allah.

KESIMPULAN

Kajian menyimpulkan bahawa al-Qushayri merupakan tokoh ulama yang unggul telah memperkenalkan satu pendekatan baharu dalam disiplin ilmu nahu. Melalui metode perbandingan yang digunakan, beliau telah menerapkan beberapa aspek tauhid berkaitan tauhid al-Zat, tauhid al-asma’, tauhid al-af’al dan konsep syirik dalam beberapa topik nahu yang dilihat mengandungi asas persamaan yang mudah difahami. Pendekatan ini juga telah memperlihatkan mengenai perkaitan yang signifikan antara kedua-dua bidang ilmu ini sekaligus menolak pandangan yang mengatakan bahawa ilmu berkaitan bahasa Arab hanya sekadar ilmu alat untuk memahami kandungan ilmu Islam. Hakikatnya kedua-dua bidang ilmu ini perlulah dizahirkan secara kritis dan diketengahkan dalam bentuk yang bersepadu supaya dapat memberi kekuatan kepada kedua-duanya. Dapatkan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pihak berwajib dalam usaha membentuk satu kurikulum bersepadu dalam subjek nahu bahasa Arab yang mencakupi aspek linguistik dan aspek tauhidik.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- 'Ukayyili, Hasan Mandil Hasan. 2012. *Dirasat Nahwiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Qadir Isa. 2005. *Haqa'iq 'an al-Tasawwuf*. Syria: Dar al-'Irfan.
- Ali Maymun al-Hasaniy al-Idrisiy. 2015. *Nahw al-Qalb*. Lubnan: Kitab-Nashirun.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu 'Abd Allah. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Fathul Mujib. 2010. Filosofi Ilmu Nahwu dan Relevensinya dengan Pendidikan Akhlak-Tasawwuf. Tesis Sarjana. UIN Sunan Kalijaga Jogjakarta.
- Ibn 'Ajibah, Abu Abbas Ahmad Muhammad al-Mahdi. t.th. *Al-Futuhat al-Quddusiyah Sharh al-Muqaddimah al-Jurrumiyyah*. Mesir: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' 'Isma'il bin Umar al-Dimashqi t.th. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyad: Dar Taybah.
- Ibn Khallikan, Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr. t.th. *Wafayat al-A yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim Bisyuni & Ahmad 'Ilm al-Din al-Jundi. 2008. *Nahw al-Qulub al-Saghir wa al-Kabir li al-Imam Zayn al-Islam 'Abd al-Karim al-Qushayri*. Mesir: Maktabah 'Alam al-Fikr.
- Ibrahim Bisyuni. 1972. *Al-Imam al-Qushayri Siratuh, Atharuhu, Madhabuhu fi al-Tasawwuf*. Kaherah: al-Maktabah al-Misriyyah.
- Al-Kamal Abi Sharif. 2006. *Al-Musamarah fi Sharh al-Musayarah*. Mesir: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Mohd Khairi Othman. 2014. Hubungan Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication* 3: 81-92.
- Muhammad Rabi'. 1997. *'Aqidatuna*. Kaherah: Jami'ah al-Azhar al-Sharif.
- Muhammad Samir Najib. 1985. *Mu'jam al-Mustalahat al-Nahwiyyah wa al-Sarfiiyyah*. Syria: Mu'assasat al-Risalah.
- Muhammad Yusri. 2004. *'Ilm al-Tawhid 'inda Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Mabadi' wa al-Muqaddimat*. Arab Saudi: Al-Maktabah al-Waqfiyyah.
- Mustafa al-'Arusi. 2007. *Nata'ij al-Afkar al-Qudsiyyah fi Bayan Ma 'ani Sharh al-Risalah al-Qushayriyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint.BM.pdf>.
- Al-Qushayri, 'Abd al-Karim bin Hawazin. 1968. *Al-Tahbir fi Al-Tadhkir*. Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabiyyah.
- Al-Qushayri, 'Abd al-Karim Hawazin. 2005. *Nahw Al-Qulub*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qushayri, 'Abd al-Karim Hawazin. 2010. *Al-Risalah al-Qushayriyyah*. Mesir: Sharikah al-Quds li al-Tijarah.
- Shahrizal Mahpol, Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Muhammad Luqman Ibnul Hakim. 2020. Sumbangan al-Qushayri dalam Bidang Kerohanian Berdasarkan Disiplin Ilmu Nahu. *Jurnal INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 3(1).

- Syed Ali Ashraf. 1988. *A View of Education: Islamic Perspective*, in O'Keeffe, Bernadette (ed.) *School for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press.
- Al-Tabari. 1994. *Jami 'al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Mesir: Hajar li al-Tiba'ah.
- Al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghunaymi. 1979. *Madkhal 'ila al-Tasawwuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Al-Taftazani, Mas'ud bin Umar. 1998. *Sharh al-Maqasid*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj. 2007. *Al-Luma'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zaiton Mustapha, Shahrizal Mahpol & Nur Hafizah Ahmad Tajuddin. 2021. Penerapan Nilai Makrifah dalam Ilmu Nahu menurut al-Qushayri. *Jurnal Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies Volume 4(1)*: 25-35.
- Zakiyah. 2012. Kitab al-Sani al-Matalib: *Interkoneksi Nahwu dan Tasawuf, dalam jurnal Penelitian Sosial Kegamaan*, jilid 20. Semarang Penerbit UIN Walisongo November.